



Rujukan Kami : KTPK 18/4/2.01.Jld.5 (15)

Tarikh: 4 Disember 2003

Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri

**PEKELILING
KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN
BIL. 4 TAHUN 2003**

**PELAKSANAAN SISTEM AKREDITASI SECARA TERHAD
KE ATAS JURUUKUR TANAH BERLESEN**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan menetapkan garis panduan bagi melaksanakan sistem akreditasi secara terhad ke atas Juruukur Tanah Berlesen (JTB), sebagai salah satu strategi Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) untuk mempercepatkan urusan semakan dan kelulusan, seterusnya mengurangkan tunggakan kerja-kerja ukuran hakmilik JTB di JUPEM.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Dari setahun ke setahun JUPEM telah pun berusaha dan berjaya meningkatkan jumlah semakan dan kelulusan ke atas kerja ukuran hakmilik yang dikemukakan oleh JTB. Walaupun begitu, oleh kerana terdapat peningkatan beban kerja yang mendadak secara berterusan dan pada masa yang sama, wujud keperluan bagi Jabatan untuk mengawal kualiti dan kesahihan kerja JTB, maka jumlah tunggakan kerja telah terus bertambah dari semasa ke semasa.

- 2.2 Di antara masalah utama yang menyebabkan kelewatan dalam memberikan kelulusan ke atas kerja-kerja JTB adalah isu kualiti kerja yang dikemukakan. Dalam hal ini, seringkali terdapat keadaan di mana JUPEM terpaksa mengambil masa untuk menyemak dan JTB pula untuk mengembalikan kerja-kerja yang memerlukan tindakan pembetulan. Namun begitu, tidak dinafikan terdapat juga JTB yang mampu menghasilkan kerja yang berkualiti tinggi serta mematuhi segala peraturan yang ditetapkan.
- 2.3 Salah satu strategi JUPEM untuk menangani keadaan jumlah tunggakan kerja ukuran hakmilik yang bertambah ini adalah untuk memperkenalkan sistem akreditasi secara terhad. Dengan cara ini diharapkan JUPEM akan dapat memainkan peranan yang lebih berkesan bagi mempercepatkan kelulusan ke atas kerja-kerja ukuran hakmilik tanah.

3. PEMAKAIAN SISTEM AKREDITASI

- 3.1 Pengenalan sistem akreditasi bertujuan untuk memberikan Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri (PUPN) satu lagi alternatif bagi menangani pertambahan beban dan tunggakan semakan kerja-kerja JTB di negeri masing-masing.
- 3.2 Di bawah sistem ini, JTB yang telah dikenalpasti mempunyai rekod prestasi kerja berkualiti akan diberikan akreditasi. Akreditasi tersebut merupakan suatu bentuk penarafan tahap mutu kerja JTB yang akan digunakan secara terhad, iaitu bagi kegunaan dalaman JUPEM sahaja.
- 3.3 Dengan pemakaian sistem ini, PUPN boleh menggunakan budibicara untuk meluluskan terus kerja-kerja JTB yang telah diakreditasikan, tanpa perlu melalui proses pemeriksaan biasa.

4. PELAKSANAAN SISTEM AKREDITASI

- 4.1 Bahagian Kadaster, Ibu Pejabat JUPEM akan menjalankan analisis ke atas kerja-kerja JTB untuk satu tempoh masa yang sesuai bagi meneliti tahap kualiti kerja setiap JTB. Berdasarkan analisis tersebut dan kriteria yang ditetapkan, tahap akreditasi yang sewajarnya akan diberikan kepada JTB. Kaedah yang akan digunakan untuk pemberian akreditasi adalah seperti berikut :
- (a) JTB yang bebas daripada sebarang kerja pertanyaan (*query*) akan diberikan taraf **Akreditasi Penuh**.
 - (b) JTB yang terlibat dengan kerja *query* pada tahap tidak melebihi 5 % (peratus) daripada jumlah keseluruhan kerja mereka akan diberikan taraf **Akreditasi Terbatas**.
- 4.2 Selanjutnya, satu senarai JTB yang berakreditasi akan dikeluarkan oleh Bahagian Kadaster kepada semua JUPEM Negeri. Berasaskan maklumat tersebut, PUPN bolehlah memutuskan untuk menggunakan sistem akreditasi bagi menguruskan kerja-kerja JTB berkaitan, mengikut pendekatan yang dijelaskan di perenggan 5 Pekeliling ini.
- 4.3 Sistem ini sewajarnya dilaksanakan terutamanya oleh negeri-negeri yang mempunyai jumlah beban dan tunggakan kerja JTB yang tinggi. Bagi negeri-negeri yang tidak menghadapi masalah tunggakan kerja, PUPN mempunyai pilihan untuk melaksanakan sistem akreditasi atau menguruskan semakan mengikut prosedur biasa.
- 4.4 Bagi tujuan pemantauan dan penyeragaman, PUPN dikehendaki memaklumkan kembali kepada Bahagian Kadaster mengenai JTB yang diberikan kelulusan kerja menggunakan sistem akreditasi di negeri masing-masing.

5. KELULUSAN KE ATAS KERJA JTB BERAKREDITASI

PUPN boleh meluluskan kerja-kerja JTB berakreditasi mengikut tatacara berikut :

5.1 Bagi JTB Berakreditasi Penuh

- (a) Seksyen Kawalselia JTB Negeri perlu meneliti surat **Penghantaran Dokumen Kerja Ukur Hakmilik Tanah** (seperti **Lampiran A**, Pekeliling KPUP Bil.1/2001) yang dikemukakan oleh JTB.
- (b) Jika didapati JTB membuat perakuan yang memenuhi semua keperluan, Ketua Seksyen akan memaklumkan hal yang berkenaan serta membuat pengesyoran kelulusan kepada PUPN.
- (c) Selanjutnya, PUPN boleh membuat keputusan untuk meluluskan terus kerja-kerja tersebut **tanpa perlu membuat semakan awal dan semakan lanjut**. Walaupun begitu PUPN berhak untuk mengarahkan agar ianya melalui proses semakan awal dan semakan lanjut sekiranya merasakan timbul keperluan untuk berbuat demikian.

5.2 Bagi JTB Berakreditasi Terbatas

- (a) Seksyen Kawalselia JTB Negeri perlu meneliti surat **Penghantaran Dokumen Kerja Ukur Hakmilik Tanah** (seperti **Lampiran A**, Pekeliling KPUP Bil.1/2001) yang dikemukakan oleh JTB.
- (b) Jika didapati JTB membuat perakuan yang memenuhi semua keperluan, Ketua Seksyen hendaklah seterusnya menguruskan supaya dibuat **Semakan Awal** (seperti **Lampiran B**, Pekeliling KPUP Bil.1/2001) ke atas kerja tersebut.

- (c) Jika kerja berkenaan didapati teratur mengikut kehendak-kehendak yang disenaraikan dalam **Lampiran B**, Ketua Seksyen bolehlah mengesyorkan kepada PUPN untuk meluluskannya.
- (d) Selanjutnya, PUPN boleh membuat keputusan untuk meluluskan kerja tersebut **tanpa perlu membuat semakan lanjut**. Walaupun begitu PUPN berhak untuk mengarahkan agar ianya melalui proses semakan lanjut sekiranya merasakan timbul keperluan untuk berbuat demikian.

6. PENGAWASAN KE ATAS KERJA JTB YANG DIAKREDITASIKAN

- 6.1 Sebagai langkah kawalan, PUPN hendaklah membuat pengauditan ke atas kerja JTB yang diberikan kelulusan mengikut sistem akreditasi. Pengauditan hendaklah dijalankan ke atas kerja yang dipilih secara rawak, sekurang-kurangnya dua kali setahun dan melibatkan pemeriksaan kerja secara menyeluruh. Semua laporan audit selanjutnya perlu dikemukakan ke Bahagian Kadaster untuk pemantauan dan penyelarasan. Sementara menunggu surat makluman rasmi dari Ibu Pejabat kepada JUPEM Negeri, PUPN bolehlah mengarahkan agar kerja-kerja JTB yang gagal dalam audit ini disemak mengikut prosedur biasa.
- 6.2 Mengenai perkara yang sama, Bahagian Kadaster melalui Seksyen Naziran JTB akan turut membuat semakan di lapangan ke atas kerja JTB yang diberikan kelulusan mengikut sistem akreditasi.
- 6.3 Bahagian Kadaster juga bertanggungjawab untuk menjalankan analisis secara berterusan ke atas kualiti kerja kesemua JTB. Dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut, maklumat pelaksanaan akreditasi dan hasil audit yang disalurkan oleh PUPN serta hasil semakan di lapangan oleh Seksyen Naziran JTB, akan diambil kira. Sehubungan itu, Bahagian Kadaster akan mengemaskini senarai JTB berakreditasi dan membekalkan maklumat terkini kepada PUPN dari semasa ke semasa.

7. AM

Sistem akreditasi yang dilaksanakan ini lebih merupakan tindakan dalaman JUPEM ke arah menangani masalah peningkatan beban dan tunggakan kerja-kerja ukuran hakmilik oleh JTB. Walaupun begitu langkah ini tidak akan menghalang JUPEM daripada memperluaskan pendekatan ini kepada urusan-urusan lain, sekiranya timbul keperluannya di masa-masa hadapan.

8. TARIKH BERKUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh pengeluarannya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' HAMID BIN ALI)

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan,
Malaysia

Salinan kepada:

Agihan Dalaman:

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Pengarah Ukur Bahagian Kadaster
Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan

Agihan Luaran:

Setiausaha Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia